

For immediate release

## MEDIA STATEMENT

### **IDEAS concerned about Malaysia's five-point drop in Corruption Perception Index 2021**

**Kuala Lumpur, 27 January 2022** - The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is concerned about Malaysia's five-point drop in Transparency International's most recent Corruption Perception Index (CPI) 2021, having dropped from a ranking of 57th out of 180 countries in 2020 to 62nd in 2021. Scoring wise, Malaysia scored 48 out of 100 points in 2021, compared to its 2020 score of 51, placing Malaysia among two-thirds of countries globally which have scores that are below 50.

IDEAS attributes this to several factors, including the lack of political will from various government agencies, organisations and influential individuals to combat corruption. A clear example of this has been the incomplete investigation and rushed acquittal of embattled Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Chief Commissioner Tan Sri Dato' Sri Azam bin Baki.

"Another issue has been the lack of reforms concerning the MACC since 2015", argues IDEAS CEO, Tricia Yeoh. "Clear attention must be paid to this, otherwise Malaysia's CPI scoring will continue to suffer moving forward. We should also consider the fact that the uncontrolled political appointments into Government-linked Companies (GLCs) following the installation of the Perikatan Nasional government could have also further deteriorated our score over the year, as it caused more inflow of unchecked funding into the commercial areas of said GLCs."

IDEAS also noted that there has been seemingly little implementation of the National Anti-Corruption Plan (NACP), which seeks to create a corrupt-free nation through three specific goals, including ensuring the (i) Accountability and Credibility of Judiciary, Prosecution and Law Enforcement Agencies; (ii) Efficiency and Responsiveness in Public Service Delivery, and (iii) Integrity in Business.

Tricia also added, "We should also consider that poorly managed bureaucracies and government institutions play a part. Our own research into corruption in Malaysia's supply chains reveals how embedded it is, with public officials often taking advantage of a lack of public knowledge over the roles and responsibilities that comes with their positions in order to abuse it."

"Finally, there is the issue of unregulated political funding and political interference in government administration and finances. The lack of proper oversight of political donations as well as public funding impacts other areas of public policy, including public procurement and good governance."

IDEAS offered three possible solutions to Malaysia's currently low CPI scoring:

1. Progress needs to be made on recommended reforms concerning the MACC in 2015, including:
  - a. Creation of an Independent Anti-Corruption Commission (IACC) as a constitutional commission;
  - b. Amendment to the MACC Act 2009 (Section 23 - Misconduct of Public Officials) (Section 36 - Corporate Liability);
  - c. Reform of other laws including the Whistleblowers Protection Act 2010, Official Secret Act 1972 and Witness Protection Act 2009.
2. Actual progress on National Anti-Corruption Plan (NACP) that is transparently reported on to the public;
3. Ensuring the National Centre for Governance, Integrity and Anti-Corruption (GIACC) acts on its mandate to facilitate and monitor integrity in public institutions.

As Tricia concludes, "Ultimately, failure to undertake these necessary reforms and changes will have severe ramifications in both the short and long term. In the short term, it will negatively impact upon Malaysia's post-COVID-19 and post-flooding recovery efforts. In the long term, it will damage the confidence and trust of foreign investors towards the Malaysian economy, as well as degrade public confidence towards government and public institutions."

--- END ---

#### **About IDEAS**

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my).

#### **For enquiries, please contact:**

Zokhri Idris, Ph.D  
External Relations Director  
[zokhri@ideas.org.my](mailto:zokhri@ideas.org.my)

Untuk siaran segera

## KENYATAAN MEDIA

### **IDEAS bimbang akan kejatuhan sebanyak lima markah Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah 2021**

**Kuala Lumpur, 27 Januari 2022** - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) melahirkan rasa kebimbangan mengenai kejatuhan sebanyak lima markah Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (*CPI*) 2021 yang terkini oleh *Transparency International*. Malaysia jatuh dari kedudukan ke-57 daripada keseluruhan 180 buah negara pada tahun 2020 ke kedudukan ke-62 pada tahun 2021. Dari segi pemarkahan, Malaysia mendapat 48 markah daripada keseluruhan 100 markah pada tahun 2021 berbanding 51 markah pada tahun 2020, meletakkan Malaysia dalam kelompok dua pertiga negara di seluruh dunia yang mendapat kurang daripada 50 markah.

IDEAS mengaitkan beberapa faktor untuk kejatuhan ini, termasuk kekurangan iltizam politik dari pelbagai agensi kerajaan, organisasi dan individu berpengaruh untuk menentang rasuah. Satu contoh jelas adalah penyiasatan tidak lengkap dan pembebasan secara tergesa-gesa Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dato' Azam bin Baki.

“Satu lagi isu adalah kekurangan pembaharuan berkaitan SPRM semenjak tahun 2015”, hujah Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS, Tricia Yeoh. “Perkara ini perlu diberi perhatian yang jelas atau pemarkahan *CPI* Malaysia akan terus merosot pada masa hadapan. Kita juga perlu mempertimbangkan bahawa pelantikan politik ke dalam syarikat berkaitan kerajaan (*GLC*) yang tidak terkawal selepas kerajaan Perikatan Nasional mengambil alih pemerintahan berkemungkinan telah menyebabkan markah kita lebih merosot sepanjang tahun lalu kerana perkara tersebut menyebabkan lebih banyak aliran masuk pendanaan tidak terkawal ke dalam bidang komersial *GLC* tersebut.”

IDEAS juga mengambil maklum bahawa kelihatan hanya sedikit pelaksanaan Pelan Antirasuah Kebangsaan (*NACP*), yang berusaha untuk mewujudkan sebuah negara bebas rasuah melalui tiga matlamat khusus, termasuk memastikan (i) Keber tanggungjawaban dan Kredibiliti Kehakiman, Pendakwaan dan Agensi Penguatkuasaan Undang-undang; (ii) Penyampaian Perkhidmatan Awam yang cekap dan responsif, dan (iii) Integriti dalam Perniagaan.

Tricia turut menambah, “Kita perlu mempertimbangkan bahawa birokrasi dan institusi kerajaan yang tidak diuruskan dengan baik juga menyumbang kepada kemerosotan ini. Kajian kami terhadap rasuah dalam rantaian bekalan Malaysia mendedahkan betapa berakar umbinya rasuah apabila penjawat awam sering kali mengambil kesempatan menyalahgunakan kuasa mereka atas kekurangan pengetahuan umum terhadap peranan dan tanggungjawab yang hadir bersama kedudukan mereka.”

“Akhir sekali, terdapat isu pendanaan politik yang tidak terkawal dan campur tangan politik dalam pentadbiran dan kewangan kerajaan. Ketiadaan penyeliaan sumbangan politik serta pendanaan awam yang sewajarnya memberi kesan kepada bidang dasar awam lain, termasuk perolehan awam dan tadbir urus baik.

IDEAS mencadangkan tiga penyelesaian bagi menangani pemarkahan *CPI* Malaysia yang rendah:

1. Langkah perlu diambil terhadap saranan pembaharuan berkenaan SPRM pada tahun 2015, termasuk:
  - a. Mewujudkan sebuah Suruhanjaya Bebas Antirasuah (*IACC*) sebagai sebuah suruhanjaya berperlembagaan;
  - b. Pindaan terhadap Akta SPRM 2009 (Seksyen 23 - Salah laku Penjawat Awam) (Seksyen 36 - Liabiliti Korporat);
  - c. Pembaharuan undang-undang lain termasuk Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Perlindungan Saksi 2009.
2. Pencapaian sebenar dalam Pelan Antirasuah Kebangsaan (*NACP*) dilaporkan secara telus kepada awam;
3. Memastikan Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (*GIACC*) bertindak berdasarkan mandatnya untuk memudahkan dan memantau integriti dalam institusi awam.

Tricia memberikan kesimpulan, “Akhirnya, kegagalan melakukan pembaharuan dan perubahan yang diperlukan ini akan mempunyai akibat dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Dalam jangka masa pendek, hal ini akan memberi kesan negatif kepada usaha pemulihan pasca-COVID-19 dan pascabanjir Malaysia. Dalam jangka masa panjang, ia akan menghakis keyakinan dan kepercayaan pelabur asing terhadap ekonomi Malaysia serta merendahkan keyakinan awam terhadap kerajaan dan institusi awam.”

--- TAMAT ---

### Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my).

### Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Zokhri Idris, Ph.D

Pengarah Perhubungan Luar

[zokhri@ideas.org.my](mailto:zokhri@ideas.org.my)